

Contoh Karangan Fakta.

CARA-CARA MENGISI MASA LAPANG



Setiap orang ada masa lapang atau masa senggang masing-masing. Masa lapang yang diisi dengan baik pasti mendatangkan faedah kepada kita. Oleh itu, kita perlu merancang aktiviti dengan bijak.

Antara cara mengisi masa lapang adalah dengan membaca buku. Membaca buku akan menambahkan ilmu pengetahuan dan kita pastinya tidak dianggap seperti katak di bawah tempurung. Selain itu, dengan membaca bahan-bahan ilmiah, kita dapat menambah perbendaharaan kita.

Selain itu, kita juga boleh menggunakan masa lapang dengan beriadah. Beriadah dapat menyihatkan badan. Apabila badan kita sihat, otak kita akan menjadi cerdas.

Berkebun sayur juga merupakan aktiviti yang amat berfaedah. Selain dapat mengeluarkan peluh, kita juga mendapat kebaikan daripada tanaman yang ditanam. Kita dapat menjimatkan perbelanjaan kerana tidak perlu membeli sayur-sayuran di pasar.

Mengumpul setem juga merupakan aktiviti berfaedah dilakukan pada masa lapang. Kita akan mengetahui adat budaya masyarakat di negara lain serta menambahkan kenalan daripada pelbagai bangsa.

Oleh itu, kita harus menghargai masa lapang kerana masa yang berlalu tidak akan kembali.

A. Arahan : Berpandukan contoh karangan fakta di atas, jawab semua soalan subjektif.

i) Senaraikan 3 aktiviti masa lapang berdasarkan contoh karangan fakta di atas?

ii) Berikan peribahasa yang terdapat dalam contoh karangan fakta di atas?

iii) Apakah faedah yang boleh kita dapat dengan mengumpul setem?

B. Arahan : Bina ayat mudah menggunakan TEKNIK SKOP.
Pilih hanya 3 aktiviti masa lapang semasa di dapur.



i)

S	
K	
O	
P	
AYAT LENGKAP :	



Cikgu RohaniAj

ii)

S	
K	
O	
P	
AYAT LENGKAP :	

iii)

S	
K	
O	
P	
AYAT LENGKAP :	

Nama:

Tarikh: